

Kerajaan tidak ambil kesempatan

BH 19 JAN 2002

Oleh **Murtazar Abd Ghanl dan Wan Jailani Razak**

ALOR STAR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menafikan kerajaan mengambil kesempatan daripada serangan penganas di Amerika Syarikat pada 11 September 2001 untuk melumpuhkan parti pembangkang dengan menahan ahli parti berkenaan.

Sebaliknya, Perdana Menteri menegaskan, penahanan beberapa ahli Kumpulan Militan Malaysia (KMM) yang turut menganggotai parti pembangkang dilakukan sebelum kejadian 11 September itu.

"Ia bukan disasarkan kepada parti lawan, walaupun mereka anggota parti lawan. Kita menahan mereka yang terbabit secara langsung (dalam kegiatan militan)... yang hanya memegang jawatan kecil dalam parti lawan.

"Kalau kita mahu melumpuhkan parti lawan, kita akan menahan pemimpin mereka, tetapi seperti yang kita boleh saksikan pemimpin tidak ditangkap. Mereka hanya cuba mengadakan perkara itu (dakwa-

PM sangkal dakwaan, guna serangan di Amerika pada 11 September 2001 untuk lumpuhkan parti pembangkang

an) dan melaporkan kepada media asing.

"Bagaimanapun, jika pemimpin melanggar undang-undang, kita tidak boleh bergantung atas status mereka sebagai pemimpin untuk mengelakkan tindakan undang-undang diambil terhadap mereka," katanya pada sidang akhbar selepas majlis Sepetang Bersama Perdana Menteri dengan pemimpin Barisan Nasional Kedah di Dewan Tunku, di sini, hari ini.

Beliau mengulas laporan tahunan terbaru Human Rights Watch (HRW), iaitu pertubuhan hak asasi di New York kelmarin yang mengkritik keras rekod hak asasi Kerajaan Malaysia.

Menurut laporan itu, Dr Mahathir terus mengambil tindakan keras terhadap mereka yang berpotensi menjadi pencabar politiknya, menangkap

pimpinan pembangkang, mengharamkan perhimpunan politik dan menyuraikan perhimpunan awam menggunakan kekerasan.

Laporan itu juga mendakwa, selepas serangan 11 September 2001, kerajaan Malaysia menggunakan kebimbangan dunia berhubung keganasan untuk mewajarkan penahanan tanpa perbicaraan.

Ia juga menyatakan bahawa nentadbiran Amerika Syarikat 'mengubah pendiriannya terhadap Malaysia' selepas serangan penganas dengan menggugurkan syarat hak asasi bagi pertemuan Dr Mahathir dengan Presiden George W Bush.

Ditanya sama ada kerajaan bercadang membuat penjelasan mengenai laporan HRW itu, Mahathir berkata:

"Tidak perlu, kita hanya membuang masa untuk

membuat penjelasan terhadap orang seumpama itu."

Terdahulu, pada majlis Ramah Mesra Perdana Menteri Bersama Pegawai Kerajaan daerah Kubang Pasu, di Institut Perguruan Darul Aman, Jitra, Dr Mahathir berkata, penangkapan anggota kumpulan militan kerana kerajaan ada bukti mereka terbabit, seperti cuba menjatuhkan

kerajaan secara kekerasan.

"Mereka terbabit dengan pembunuhan seorang wakil rakyat di Kedah, serangan balai polis di Guar Chempedak, rompakan bank dan cuba meletupkan beberapa tempat," katanya.

Skmentara itu, ketika diminta mengulas pilihan raya kecil Indera Kayangan, Dr Mahathir berkata, kira-kira 600 orang di-

percayaai samseng cuba dibawa masuk parti lawan ke Indera Kayangan untuk membuat kacau, tetapi gagal berikutan tindakan tegas polis.

Sehubungan itu, beliau berharap polis akan terus tegas menjaga keamanan bagi memastikan kejadian ketika pilihan raya kecil Lunas pada 2000 tidak berulang di Indera Kayangan.

"Di Lunas, depa banjiri

kawasan sehingga orang tak dapat masuk dan takut mengundi. Kali ini saya diberitahu keadaan lebih selamat dan saya harap pengundi, terutama penyokong Barisan Nasional, tak diganggu dan dapat mengundi dengan sempurna," katanya.

Dr Mahathir juga turut mengunjungi bapa bekas Setiausaha Kerja Bahagian Kubang Pasu, Saad

Hussain, 61, yang dirawat di Hospital Alor Star (HAS).

Hussain Talib, 82 tahun, dimasukkan ke HAS kerana menghidap kanser rektum.

Dr Mahathir juga menasihatkan Hussain mengikut nasihat doktor dan mengambil pemakanan kurang pedas bagi memastikan kesakitan di bahagian usus sejak tiga bulan lalu itu tidak berlarutan.